

Headline	Bertani Dalam Rumah Kaca
Date	07. Mar 2008
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Supplement
Circulation	238082
Readership	833287
Language	MALAY
Page No	5
Article Size	874 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



BUAH mentimun Jepun yang telah matang dan sesuai dipetik di tapak semaihan rumah kaca kawasan Pertanian Telaga Papan, Setiu, Terengganu.



TAPAK semaihan cili rumah kaca kawasan Pertanian Telaga Papan, Setiu, Terengganu.

Bertani dalam rumah kaca

Oleh ADNAN MOHAMAD

KERAJAAN negeri Terengganu sekali lagi melakar sejarah baru dalam bidang pertanian apabila memperkenalkan projek pertanian fertigasi dengan menggunakan kepakaran serta teknologi Belanda di kawasan Pertanian Telaga Papan, Setiu, Terengganu.

Projek fertigasi yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri di kawasan Pertanian Telaga Papan, Setiu, Terengganu sejak September lepas yang menggunakan kepakaran serta teknologi Belanda, berjaya memperkenalkan satu kelainan dalam teknologi pertanian kepada masyarakat petani di negeri ini.

Malah, projek yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat milik Perbadanan Memajukan Istimad Negeri Terengganu (PERMINT) iaitu Terengganu (TRG) Sutratani Sdn. Bhd. di kawasan seluas 5.5 hektar menelan belanja hampir RM4 juta mampu menarik minat 30 peserta terdiri daripada siswazah serta golongan belia.

Siswazah yang terdiri 24 orang menyertai program dikenali sebagai Program Sutratani mengusahakan tanaman mentimun Jepun (Japanese cucumber) dan cili, sebagai program inkubator kepada syarikat berkeraian.

Projek perintis itu mengandungi tiga modul dan mampu memberi pulangan lumayan terhadap pelaburan dalam jangka masa yang panjang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 18 November lalu.

Penglibatan siswazah dalam bidang pertanian itu bukan kerana untuk mengelakkannya daripada menganggur,

sebaliknya mereka tertarik dengan kepakaran dan teknologi dari luar.

Hal ini diakui oleh beberapa siswazah ketika ditemui baru-baru ini menyatakan tanaman cili dan mentimun Jepun yang dijalankan di tapak tanaman yang dipanggil rumah kaca itu telah memberi penddedahan yang baru kepada mereka.

Seorang siswazah, Khairul Irwan Ibrahim, 26 berkata, penglibatannya dalam program tersebut bertujuan untuk mencari pengalaman berbeza dalam bidang pertanian.

Namun, kata Khairul yang berkelulusan Diploma Pengurusan Perniagaan dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) selepas tiga bulan menyertainya, dia begitu yakin dengan kepakaran serta teknologi berkenaan mampu memberi pulangan yang agak lumayan sekitar dilaksanakan secara komersial.

“Sekarang jika ada pekerjaan lain dengan tarawan gaji antara RM1,500 hingga RM2,000 sebulan saya tidak akan berhenti daripada (menyertai) projek ini biarpun pendapatan di sini sebanyak RM800 sebulan.

“Apabila yang penting kaedah pertanian yang baru ini perlu dipelajari kerana jika ada peluang dan mendapat bantuan dari kerajaan, saya akan mengusahakan sendiri pada masa akan datang,” katanya yang berasal dari Bandar Permaisuri, Setiu.

Anak bongsu daripada tujuh adik berdikti berkata, kerajaan sekarang sentiasa memberi perhatian dalam industri berkenaan apatah lagi kedua-dua tanaman itu mendapat pasaran yang baik.

Seorang lagi peserta, Rozilawati Rohmat, 27, dari Kampung Telaga Papan pula berpendapat projek fertigasi itu banyak memberi manfaat selain

mempunyai teknologi yang baik dibandingkan dengan tanaman yang diusahakan secara kampung.

Dia yang mempunyai Ijazah Pengurusan Perniagaan memberitahu, tanaman yang diusahakan dengan polibeg dari pelbagai jenis tanaman seperti terung, mentimun dan cili dapat memberi pendapatan yang agak lumayan jika diusahakan secara bersungguh.

Penghasilan tanaman ini sudah tentu bertambah baik kerana pengendalian pengurusan tanaman ini dijalankan mengikut teknologi kepakaran yang diperoleh dari negara Belanda.

“Kepakaran ini menyebabkan saya tertarik untuk melibatkan diri dalam bidang perhutian dan saya pulak tidak malu dengan rakan-rakan saya menjadi seorang petani seperti sekarang,” ujarnya yang sebelum ini pernah belajar di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

Menurutnya, apa yang lebih penting dia perlui merебut peluang yang disediakan oleh kerajaan negeri demi kebaikan semua pihak yang terlibat.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ibrahim, Sulaiman Ahmad, 24, berkata, pada mulanya dia teragak-agak juga untuk menyertai Program Sutratani itu yang belum tentu menjanjikan apa-apa keuntungan berbanding pekerjaan lain.

Namun selepas lapan bulan mengikuti projek itu, Sulaiman yang berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) merasakan dirinya agak beruntung kerana banyak pengalaman baru yang diperolehi dari pertanian itu.

“Tetapi jika dibandingkan dengan teknologi Belanda ini kita tidak perlu bersusah payah dengan menggunakan tenaga yang lebih untuk menyiram serta

membaja tanaman ini sebaliknya kita menggunakan peralatan yang disediakan untuk melakukan kerja-kerja sedemikian,” katanya yang tinggal di Kampung Banggol, Setiu.

Seorang peserta belia, Wan Zurikalidah Wan Ibrahim, 29, berkata penglibatan dirinya dalam program berkenaan bukan sahaja menambahkan pendapatannya tetapi dapat meringankan pekerjaannya berbanding kerja lain yang disertai sebelum ini.

Dia sebelum ini pernah bekerja sebagai buruh am dengan pendapatan sebanyak RM350 sebulan dan kini mendapat pendapatan RM800 sebulan selesa menyertai projek fertigasi.



MENTIMUN JEPUN